



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 59
Bil. 13

22hb Jun 2006

TAMBAHAN
No. 2

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 838.

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Kamarusham bin Zainul Abidin yang beralamat di No. 79B, Lorong 4, Kpg. Pinang, 34600 Kamunting, Perak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Taiping pada hari Isnin 3 Julai 2006 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—13452. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 3308 Luas: 616 meter persegi. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 255/2004.

Bertarikh 31 Mei 2006
[PTLM. 369/27/2006/01]

ZAINAL BADRI BIN ABU BAKAR
Pentadbir Tanah
Larut dan Matang

No. 839.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Zainal Badri bin Abu Bakar, Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263, Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan:—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Isnin 3 Julai 2006, jam 9.00 pagi di Pejabat Tanah, Larut dan Matang, Taiping;
 - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM19,000.00 (Ringgit Sembilan Belas Ribu sahaja); dan
 - (c) Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:
- (a) RM8,684.36 Bank Islam Malaysia Berhad
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas RM1,900.00 (Ringgit Seribu Sembilan Ratus sahaja);
 - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
 - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya:—
 - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
 - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;

- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 2 November 2006 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (d) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batu Kurau. No. Lot—10956. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 3992
Luas: 0.3931 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar
Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 551/1995 Jilid 44 Folio 62.

Bertarikh 31 Mei 2006
[PTLM 369/30/2005/02]
Lelongan 1

ZAINAL BADRI BIN ABU BAKAR
*Pentadbir Tanah Daerah
Larut, Matang dan Selama*

No. 840.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Octaviana Dourado beralamat di No. 599, Jalan Pasir Puteh, Ipoh 31650 Perak dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 10205/2002 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut, dan bahawasanya Alliance Bank Malaysia Berhad telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Hulu Kinta. No. P.T.—124881. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.D.
28890. No. Daftar Pajak/Gadaian (jika ada)—46857/200.

Bertarikh 17 Ogos 2004
[PTG. Pk. 23-4/6-285]

MOHD NASIR BIN ADNAN
Pendaftar/Pentadbir Tanah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Perak

Hakcipta Pencetak^(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA